



CUKAI PERKHIDMATAN 2018

**PANDUAN :
PERKHIDMATAN PROFESSIONAL**

Diterbitkan oleh :

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri
Putrajaya**

31 Oktober 2021

Penerbitan

Tarikh diterbitkan : 31 Oktober 2021

Panduan Perkhidmatan Profesional pada 26 Ogos 2018 ditarik balik dan diganti dengan Panduan Perkhidmatan Profesional yang disemak semula pada 31 Oktober 2021.

Notis Hak Cipta

Hak cipta 2018 Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hak Cipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya dengan terbitnya suatu panduan baru.

Tiada bahagian daripada penerbitan ini dibenarkan untuk diterbitkan semula, disimpan di dalam sistem perolehan kembali atau dipanjangkan dalam apa jua bentuk termasuk di dalam laman web untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam penghasilan semula atau pemetikan kandungan, perakuan sumber adalah diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang berkaitan di bawah Cukai Perkhidmatan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari panduan ini. Semua maklumat adalah terkini semasa penyediaannya dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

PENGENALAN	1
PENGENAAN DAN SKOP CUKAI	1
PERKHIDMATAN PROFESIONAL	1
Perkhidmatan Perundangan	2
Perkhidmatan Perundangan untuk Perkara-Perkara Islamik	3
Perkhidmatan Perakaunan.....	4
Perkhidmatan Mengukur.....	4
Perkhidmatan Kejuruteraan	10
Perkhidmatan Senibina (<i>Architectural Services</i>)	11
Perkhidmatan Perundingan, Latihan dan Tunjuk Ajar	12
Perkhidmatan Teknologi Maklumat.....	15
Perkhidmatan Pengurusan.....	15
Perkhidmatan Pekerjaan.....	17
Perkhidmatan Agensi Persendirian.....	17
Perkhidmatan Digital.....	18
LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN PROFESIONAL	22
Perkhidmatan Yang Tidak Dikenakan Cukai.....	25
PENGECUALIAN DARI PEMBAYARAN CUKAI PERKHIDMATAN (PENGECUALIAN ANTARA PERNIAGAAN (B2B)	33
PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG YANG BERDAFTAR	36
SOALAN- SOALAN LAZIM.....	37
PERTANYAAN	43
BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT	43
RINGKASAN PINDAAN PADA DOKUMEN.....	44

PENGENALAN

1. Cukai Perkhidmatan adalah cukai kepenggunaan yang ditadbir oleh Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan perundangan subsidiarinya. Tarikh kuat kuasa Akta Cukai Perkhidmatan 2018 adalah 1 September 2018.
2. Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan yang dipanggil "perkhidmatan bercukai".
3. Seseorang yang menyediakan perkhidmatan bercukai yang melebihi nilai ambang yang ditetapkan perlu didaftarkan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan dikenali sebagai "orang berdaftar" yang dikehendaki mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang dibekalkan kepada pelanggannya.
4. Panduan industri ini disediakan untuk membantu perniagaan memahami layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan professional.

PENGENAAN DAN SKOP CUKAI

5. Mulai 1 September 2018, di bawah Kumpulan G, Jadual Pertama Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018, penyediaan perkhidmatan profesional kepada cukai perkhidmatan.

PERKHIDMATAN PROFESIONAL

6. Perkhidmatan profesional yang disenaraikan di dalam Kumpulan G, Jadual Pertama, Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 adalah seperti berikut:
 - (a) Perkhidmatan perundangan,

- (ii) Perkhidmatan perundangan untuk perkara-perkara islamik,
- (iii) Perkhidmatan perakaunan,
- (iv) Perkhidmatan juruukur,
- (v) Perkhidmatan kejuruteraan,
- (vi) Perkhidmatan seni bina,
- (vii) Perkhidmatan perundingan, latihan dan tunjuk ajar,
- (viii) Perkhidmatan teknologi maklumat,
- (ix) Perkhidmatan pengurusan,
- (x) Perkhidmatan pekerjaan,
- (xi) Perkhidmatan keselamatan atau sekuriti, dan
- (xii) Perkhidmatan digital.

Perkhidmatan Perundangan

7. Perkhidmatan perundangan merujuk kepada pemberian nasihat undang-undang dan pemberian perwakilan dalam hal-hal yang berkaitan dengan perundangan.

8. Perkhidmatan perundangan dilaksanakan oleh pengamal undang-undang iaitu peguambela atau peguamcara. Pengamal undang-undang yang menyediakan perkhidmatan perundangan seperti pengamal am atau pakar dalam satu atau lebih dalam bidang undang-undang. Ini termasuk undang-undang yang melibatkan harta pusaka, harta sepencarian, pekerjaan, syarikat, perdagangan, litigasi dan pemindahan harta. Secara umumnya, perkhidmatan yang disediakan oleh pengamal undang-undang meliputi perkhidmatan yang disenaraikan di bawah Perintah 59 Peraturan 7 di bawah Kaedah-kaedah Mahkamah 2012.

9. Di bawah Jadual Pertama Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 2018, mana-mana orang yang merupakan seorang peguambela dan peguamcara yang didaftarkan di

bawah undang-undang bertulis yang berkuatkuasa pada masa ini dan menyediakan perkhidmatan perundangan termasuk perkhidmatan perundingan mengenai hal-hal perundangan dan lain-lain caj berkaitan penyediaan perkhidmatan perundangan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

10. Penyediaan perkhidmatan perundangan termasuk perkhidmatan perundingan mengenai hal-hal perundangan dan lain-lain caj berkaitan penyediaan perkhidmatan undang-undang tidak termasuk penyediaan apa-apa perkhidmatan yang dibekalkan berhubung dengan barang atau tanah yang terletak di luar Malaysia atau apa-apa perkara berkaitan dengan negara di luar Malaysia serta apa-apa fi berkanun yang dikenakan oleh mana-mana jabatan kerajaan atau badan berkanun.

Perkhidmatan Perundangan untuk Perkara-Perkara Islamik

11. Peguam Syarie bermaksud mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan perundangan mengenai hal ehwal Islam yang berdaftar di bawah undang-undang Enakmen Negeri.

12. Layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan undang-undang juga terpakai untuk perkara-perkara Islamik secara *mutatis mutandis*.

13. Penyediaan perkhidmatan perundangan mengenai perkara-perkara Islamik termasuk perkhidmatan perundingan dan lain-lain caj berkaitan penyediaan perkhidmatan perundangan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

14. Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan perundangan mengenai perkara-perkara Islamik bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan barang atau tanah yang terletak di luar Malaysia atau di mana perkara-perkara yang berkaitan dengan negara di luar Malaysia dan apa-apa fi berkanun yang dibayar kepada kerajaan atau badan berkanun adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Perkhidmatan Perakaunan

15. Penyedia perkhidmatan bagi perkhidmatan perakaunan adalah seorang Akauntan Awam yang berdaftar di bawah undang-undang bertulis yang berkuatkuasa pada masa ini.

16. Perkhidmatan perakaunan termasuk penyediaan buku perakaunan, pengauditan, penyimpanan, perundingan atau lain-lain perkhidmatan profesional dan caj-caj lain berkaitan penyediaan perkhidmatan perakaunan seperti merekod urus niaga komersil daripada perniagaan atau lain-lain, persediaan atau pengauditan penyata kewangan, pemeriksaan akaun dan perakuan ketepatan akaun, penyediaan penyata cukai pendapatan bagi individu dan syarikat, aktiviti perundingan dan mewakili pihak pelanggan bagi urusan cukai dengan pihak berkuasa adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

17. Walau bagaimanapun, penyediaan perkhidmatan berkaitan dengan pertubuhan perniagaan yang terletak di luar Malaysia atau dan apa-apa fi berkanun yang dikenakan oleh mana-mana jabatan kerajaan atau badan berkanun tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Perkhidmatan Mengukur

18. Juruukur berlesen atau berdaftar termasuk penilai, penaksir atau ejen hartanah yang berdaftar atau dilesenkan di bawah undang-undang bertulis yang berkuatkuasa pada masa ini.

19. Perkhidmatan mengukur termasuk aktiviti penilaian, penaksiran, agensi hartanah atau perundingan profesional dan lain-lain caj berkaitan penyediaan perkhidmatan mengukur merupakan perkhidmatan bercukai dan ianya tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

20. Penyediaan perkhidmatan mengukur yang berhubung dengan barang atau tanah yang terletak di luar Malaysia dan apa-apa fi berkanun yang dikenakan oleh mana-mana jabatan kerajaan atau badan berkanun adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

21. Aktiviti juruukur berlesen yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan adalah seperti berikut:

- (i) Ukuran Hakmilik Tanah;
- (ii) Ukuran Hakmilik Strata;
- (iii) Ukuran Hakmilik Stratum; dan lain-lain kerja
- (iv) Kaji selidik pencemaran
- (v) Kejuruteraan Ukur
- (vi) Ukur Hidrografi
- (vii) Ukur Topografi
- (viii) Pemetaan Fotogrammetri
- (ix) *Remote Sensing*
- (x) Ukur Geodetik dan penentuan kedudukan
- (xi) GIS (sistem maklumat geografi) / LIS dan pemerolehan maklumat Spatial dan pengurusan
- (xii) Ukuran graviti dan lain-lain
- (xiii) Juruukur kapal / selain darat

22. Perkhidmatan bercukai yang disediakan oleh jurunilai berdaftar termasuk perkhidmatan seperti berikut:

- (i) Penilaian harta atau barang untuk sebarang tujuan
- (ii) Penilaian mengenai jentera, kenderaan, kapal, kapal terbang atau peralatan bermotor
- (iii) Penilaian bagi menentukan nilai sewaan hartanah dan lain-lain

23. Perkhidmatan yang disediakan oleh ejen harta tanah berdaftar adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Perkhidmatan tersebut termasuk perkhidmatan pengurusan

hartanah seperti pengurusan, urusan penyewaan serta aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan bangunan seperti yang dikehendaki oleh pemilik bangunan.

24. Cukai perkhidmatan akan dikenakan ke atas pengurusan dan pengawalan apa-apa tanah, bangunan dan apa-apa kepentingan dalamnya, tidak termasuk pengurusan perniagaan berdasarkan harta, bagi pihak pemunya untuk suatu fi dan termasuklah tetapi tidak terhad kepada tanggungjawab yang berikut:

- (i) Mengawasi perbelanjaan untuk harta itu dan membuat pembayaran daripada pendapatan daripada harta itu;
- (ii) Menyediakan belanjawan dan menyenggara rekod kewangan untuk harta itu;
- (iii) Menguatkuasakan terma pajakan dan perjanjian lain yang berhubungan dengan harta itu;
- (iv) Memberikan nasihat mengenai keputusan penjualan dan pembelian;
- (v) Memberikan nasihat mengenai perkara insurans;
- (vi) Memberikan nasihat mengenai peluang untuk menghasilkan potensi pembangunan atau pelaburan harta itu; dan
- (vii) Memberikan nasihat mengenai keperluan meningkatkan harta itu atau mencantumkan kepentingan.

25. Perkhidmatan yang disediakan oleh jurukur bahan perunding berdaftar (*Quantity Surveyor*) yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan termasuk:

- (i) Penyediaan anggaran kos permulaan dan kos perancangan pembangunan projek.
- (ii) Khidmat nasihat ke atas anggaran kos reka bentuk pembangunan projek.
- (iii) Khidmat nasihat ke atas perolehan, tender dan urusan prosedur kontrak.
- (iv) Penyediaan "*bill of quantities*" atau spesifikasi untuk tujuan tender.
- (v) Urusan tawaran tender (*Calling of Tender*) termasuk tawaran bagi lelongan.
- (vi) Penilaian ke atas laporan tender yang diterima.
- (vii) Penyediaan dan pelaksanaan kontrak.
- (viii) Penyelesaian akaun terakhir projek.

26. Cukai perkhidmatan juga akan dikenakan ke atas perkhidmatan tambahan yang disediakan oleh jurukur bahan perunding berdaftar:

- (i) Penyediaan kajian kebolehlaksanaan (*feasibility*) sesuatu projek;
- (ii) Menyediakan anggaran aliran tunai perbelanjaan pembangunan dan pendapatan bagi projek;
- (iii) Penilaian ke atas kontraktor berdaftar untuk tujuan pra kelayakan.
- (iv) Kajian perbandingan kos projek semasa peringkat rekabentuk.
- (v) Pengurusan pembinaan projek.

- (vi) Kajian kos jangka hayat dan nilai ekonomi rekabentuk alternatif. (*life cycle costing and studies on economics of alternative design.*)
- (vii) Penetapan harga "*Bills of Quantities*" dan Jadual Kadar yang dipersetujui.
- (viii) Penilaian dan pengauditan ke atas tuntutan yang melibatkan kes litigasi dan timbangtara (*arbitration*).
- (ix) Pengauditan ke atas kontrak, belanjawan dan perbelanjaan berkaitan.
- (x) Penggunapakai perkhidmatan jurukur bahan dalam kontrak "*turnkey project*" atau penswastaan.

27. Perkhidmatan yang disediakan oleh mana-mana Perunding Hartanah dan Jurukur Penilai termasuk aktiviti atau perkhidmatan di bawah adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan:

- (i) Penilaian harta
 - (a) harta alih termasuk terbitan saham, perancangan/penstrukturan korporat, penyata kewangan dan akaun-akaun yang berkaitan, aktiviti pengkorporatan dan penswastaan dan lain-lain.
 - (b) harta tak alih (*statutory valuations*) termasuk pengambilalihan tanah yang melibatkan rayuan pengurangan penilaian, duti setem, cukai keuntungan harta tanah, premium pertukaran dan premium pemberimilikan.
 - (c) Untuk tujuan lain termasuk penjualan atau pembelian yang melibatkan aktiviti-aktiviti sekuriti pinjaman, gadaian atau debentur. Selain itu, aktiviti penilaian bagi penutupan syarikat, rujukan mahkamah atau litigasi, timbangtara (*arbitration*) kes-kes untuk penentuan penyewaan atau kajian semula.

- (ii) Pengurusan harta benda
 - (a) Kecekapan pembersihan dan penyelenggaraan bangunan untuk memastikan bahawa keadaan bangunan berada dalam keadaan baik tidak termasuk perkhidmatan yang disediakan oleh badan pengurusan bersama, badan pengurusan atau pemaju kepada pemilik bangunan yang dipegang di bawah hakmilik strata.
 - (b) Urusan penetapan dan kutipan sewaan
 - (c) Kawalan perbelanjaan
- (iii) Kajian pasaran / kebolehlaksanaan
 - (a) Mengumpul maklumat, membuat analisis dan laporan bagi tujuan penilaian trend pasaran harta.
 - (b) Kajian dan penganalisan pasaran termasuk kajian permintaan dan penawaran, kewangan termasuk analisis risiko kewangan dan pelaburan, analisis strategi pembangunan dan lain-lain.
- (iv) Pengurusan projek
 - (a) Pengurusan projek dan koordinasi meliputi perancangan, tahap pembinaan termasuk penyediaan akaun terakhir.
 - (b) Fasa pra-pembinaan termasuk pemilihan pasukan profesional yang terdiri daripada arkitek, jurutera, jurukur bahan dan kontraktor.
 - (c) Fasa pembinaan termasuk pengawalan bajet, kos dan jadual kemajuan seperti yang dinyatakan di dalam kontrak.
 - (d) Kawalan kewangan termasuk mengawal kewangan dengan mewujudkan carta aliran tunai.
 - (e) Kawalan kualiti untuk memastikan bangunan siap dibina mengikut spesifikasi.

- (v) Agensi perunding dan penilai harta yang memberikan khidmat rundingan dan nasihat mengenai aktiviti seperti sewa, jual beli, pelaburan pemasaran dan perundingan.

Perkhidmatan Kejuruteraan

28. Penyedia perkhidmatan kejuruteraan adalah orang yang merupakan jurutera yang berdaftar di bawah undang-undang bertulis yang berkuatkuasa pada masa ini.

29. Perkhidmatan kejuruteraan bermaksud apa-apa perkhidmatan atau karya kreatif, prestasi yang memadai di mana ianya memerlukan pendidikan, latihan dan pengalaman kejuruteraan dalam penerapan pengetahuan khas matematik, fizikal dan sains kejuruteraan bagi perkhidmatan atau karya kreatif tersebut.

30. Perkhidmatan kejuruteraan perundingan atau perkhidmatan profesional lain dan caj lain yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan kejuruteraan adalah perkhidmatan bercukai tidak termasuk penyediaan perkhidmatan yang dibekalkan berhubung dengan barang atau tanah yang terletak di luar Malaysia dan apa-apa fi berkanun yang dikenakan oleh mana-mana Jabatan Kerajaan atau badan berkanun.

31. Senarai perkhidmatan yang disediakan oleh mana-mana jurutera profesional yang berdaftar adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan seperti berikut:

- (i) Perkhidmatan perundingan kejuruteraan yang disediakan oleh firma kejuruteraan;
- (ii) Penyediaan perkhidmatan kejuruteraan profesional;
- (iii) Pembayaran balik perkhidmatan kejuruteraan profesional;
- (iv) Yuran penyeliaan bagi "*Secondment of Staff*" di tapak;
- (v) "*Secondment of Staff*" yang dibekalkan oleh jurutera perunding bagi penyediaan perkhidmatan kejuruteraan;
- (vi) Perkhidmatan penyeliaan tapak di mana kakitangan direkrut secara khas oleh pihak jurutera perunding bagi projek tertentu atau dihantar dari pejabat kejuruteraan perunding itu sendiri di kawasan tapak;

-
- (vii) perkhidmatan oleh jurutera perunding berkenaan penerokaan air bawah tanah bagi tujuan penilaian bekalan air;
 - (viii) perkhidmatan ujian tanah (*soil testing*) yang disediakan oleh jurutera; atau
 - (ix) apa-apa perkhidmatan kejuruteraan selain daripada yang dinyatakan di atas.

Perkhidmatan Senibina

32. Penyedia perkhidmatan senibina adalah seorang Arkitek yang berdaftar di bawah undang-undang bertulis yang berkuatkuasa pada masa ini.

33. Perkhidmatan senibina termasuk perkhidmatan perunding profesional dan caj lain yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan senibina adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

34. Senarai perkhidmatan yang disediakan oleh arkitek berdaftar adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan seperti berikut:

- (i) Penyediaan perkhidmatan senibina adalah termasuk perkhidmatan perundingan profesional. Personel (*Clerk of Work for Architects*) yang ditempatkan di tapak projek untuk memantau perjalanan dan melaporkan perkembangan projek kepada pelanggan dan arkitek; dan
- (ii) Lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan perkhidmatan senibina.

35. Cukai perkhidmatan tidak akan dikenakan ke atas perkhidmatan senibina yang dibekalkan berkaitan dengan barang atau tanah yang terletak di luar Malaysia atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan negara di luar Malaysia, dan apa-apa fi berkanun yang dikenakan oleh mana-mana Jabatan Kerajaan atau badan berkanun.

Perkhidmatan Perundingan

36. Perkhidmatan perundingan adalah satu perkhidmatan yang disediakan oleh perunding profesional yang mempunyai kepakaran khusus atau pengetahuan untuk memberikan pendapat atau nasihat bagi membantu perniagaan untuk membuat keputusan. Pihak perunding akan menasihati perniagaan dalam mengadaptasi amalan terbaik perniagaan, maklum balas atau keperluan daripada pelanggan, perolehan, penjenamaan semula, rekabentuk dalaman dan lain-lain.

37. Penyediaan perkhidmatan perundingan yang tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan adalah seperti berikut:

- (i) Penyediaan perkhidmatan perundingan yang berhubung dengan rawatan perubatan dan pembedahan (untuk manusia atau haiwan) yang disediakan oleh klinik persendirian atau klinik pakar termasuk perkhidmatan perundingan oleh pengamal perubatan; atau
- (ii) Penyediaan perkhidmatan perundingan berhubung dengan manusia atau haiwan untuk tujuan penjagaan kesihatan atau perkhidmatan veterinar yang disediakan oleh makmal.
- (iii) Penyediaan perkhidmatan perundingan yang dibekalkan berkaitan dengan:
 - (a) Barangan atau tanah yang terletak di luar Malaysia; atau
 - (b) Selain daripada perkara-perkara yang berhubung dengan (a) di luar Malaysia.

38. Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan perundingan adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan sekiranya disediakan oleh:

- (i) Syarikat penyelidikan dan pembangunan di bawah seksyen 2 Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [Akta 327] dan Institut penyelidikan yang diluluskan di bawah Seksyen 34b Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53]; atau
- (ii) Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun.

39. Senarai perkhidmatan yang disediakan oleh perkhidmatan perundingan yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan adalah seperti berikut:-

- (i) Penyediaan semua jenis perkhidmatan perundingan yang berkaitan dengan tanah, barang atau lain-lain perkara di Malaysia;
- (ii) Perkhidmatan perundingan yang disediakan oleh perunding imej;
- (iii) Penyediaan perkhidmatan perundingan dan pendaftaran hak cipta paten dan harta intelektual;
- (iv) Perkhidmatan perundingan jaminan kualiti (*Quality Assurance*) yang berkaitan dengan sistem yang digunakan oleh organisasi dalam semua aktiviti melibatkan rekabentuk, pemasaran, pengeluaran dan perkhidmatan selepas jualan seperti ISO 9000, ISO 9002 dan lain-lain;
- (v) Perkhidmatan perunding dalam industri komputer termasuk pembelian komputer, pembangunan program / perisian, pembangunan pelaksanaan perisian, pemilihan sistem integrasi, pengurusan sistem maklumat komputer, menggubal strategi teknologi maklumat dan lain-lain perundingan yang berkaitan dengan projek komputer;
- (vi) Yuran perkhidmatan perundingan berbentuk nasihat teknikal / pakar berhubung perkhidmatan perundingan syariah seperti produk perbankan Islam;
- (vii) Perkhidmatan perundingan yang disediakan oleh syarikat perunding asing jika mempunyai pejabat atau premis di Malaysia dan berdaftar dengan SSM atau badan profesional tertentu di Malaysia atau pun mempunyai ejen (syarikat yang berdaftar dengan SSM / badan profesional) yang dilantik untuk bertindak bagi pihak syarikat perunding asing; atau

- (viii) Seseorang yang dilantik sebagai pengarah bukan eksekutif (PBE) atas kemampuan peribadinya di bawah kontrak untuk perkhidmatan bagi memberikan pendapat/khidmat nasihat pakar. Pengarah yang dilantik di bawah kontrak untuk perkhidmatan boleh mengenakan bayaran kepada syarikat dan bayaran tersebut dikenakan cukai perkhidmatan.
- (ix) Walau bagaimanapun, jika seseorang dilantik sebagai pengarah atas kapasiti jawatan yang disandang iaitu kontrak atas perkhidmatan atau pun bekerja dengan syarikat, maka ianya tidak dikenakan cukai perkhidmatan.

Diagram 1:

**Layanan cukai perkhidmatan ke atas pemegang jawatan /
yuran pengarah**

Bil.	Jenis bayaran	Tertakluk kepada cukai perkhidmatan	Tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan
1.	Imbuhan / Yuran pengarah	√	
2.	Elaun pengarah cth: Elaun mesyuarat, elaun bulanan, elaun <i>Senior Independent Director</i> (SID) dan elaun lain, dll.	√	
3.	Manfaat Berupa Barangan *	√	√
4.	Bayaran balik (<i>reimbursement</i>)	√	
5.	Pembayaran (<i>disbursement</i>)*	√	

* Walau bagaimanapun, urusan niaga tertentu tidak dikenakan cukai perkhidmatan untuk situasi di bawah:

a) Manfaat Berupa Barangan

Manfaat berupa barangan juga merupakan sebahagian daripada pakej saraan dan ia adalah sebagai insentif tambahan untuk pengarah. PBE boleh menerima faedah seperti elaun dari segi wang tunai yang diberikan secara langsung oleh syarikat yang melantik dan ia adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Walau bagaimanapun, kemudahan yang dibayar terus oleh syarikat kepada penyedia perkhidmatan untuk dinikmati oleh PBE, tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

b) Pembayaran (*Disbursement*)

Sila rujuk Panduan Cukai Perkhidmatan mengenai *Disbursement and Reimbursement*.

Perkhidmatan Teknologi Maklumat

40. Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan teknologi maklumat adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

41. Walau bagaimanapun, perkhidmatan tersebut tidak termasuk penyediaan atau jualan barang-barang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan teknologi maklumat dan penyediaan perkhidmatan teknologi maklumat berhubung dengan barang atau tanah yang terletak di luar Malaysia atau perkara-perkara lain di luar Malaysia.

42. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Guide on Information Technology Services*.

Perkhidmatan Pengurusan

43. Perkhidmatan pengurusan merangkumi penyediaan semua jenis perkhidmatan pengurusan dan caj lain yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan pengurusan termasuk pengurusan atau penyelarasan projek. Perkhidmatan tersebut terdiri daripada pengurusan projek atau penyelarasan projek tetapi tidak

termasuk perkhidmatan pengurusan berikut:

- (i) perkhidmatan pengurusan yang berkaitan dengan tanah atau bangunan untuk kegunaan kediaman yang disediakan oleh mana-mana pemaju, badan pengurusan bersama, syarikat pengurusan atau persatuan kediaman;
- (ii) perkhidmatan pengurusan yang diberikan oleh mana-mana orang yang dilesenkan atau didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk menjalankan aktiviti pengurusan dana yang diatur di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671];
- (iii) perkhidmatan pengurusan yang disediakan oleh mana-mana orang, badan kerajaan, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun untuk tujuan kebajikan agama, berkabung, pengebumian, perkuburan, pembakaran, pembentungan, bekalan air, kesihatan, pengangkutan, pelancongan atau perkhidmatan logistik; dan
- (iv) perkhidmatan pengurusan yang berkaitan dengan barang atau tanah yang terletak di luar Malaysia atau perkara lain di luar Malaysia.

44. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Panduan Perkhidmatan Pengurusan.

Perkhidmatan Pekerjaan

45. Perkhidmatan pekerjaan merangkumi penyediaan semua jenis perkhidmatan pekerjaan. Perkhidmatan tersebut merangkumi:

- (i) aktiviti menyenaraikan kekosongan pekerjaan dan rujukan atau menempatkan pemohon pekerjaan, di mana individu yang dirujuk atau ditempatkan bukan pekerja kepada agensi pekerjaan.
- (ii) membekalkan pekerja kepada pelanggan untuk perniagaannya bagi tujuan menambah tenaga kerja untuk tempoh masa yang terhad.
- (iii) aktiviti menyediakan sumber manusia dan perkhidmatan pengurusan sumber manusia untuk orang lain secara kontrak atau untuk bayaran.

46. Oleh itu, mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan pekerjaan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kecuali:

- (i) Penyediaan perkhidmatan pekerjaan dalam bentuk penempatan pekerja secara sementara atau membekal pekerja untuk bekerja dengan orang lain bagi suatu tempoh masa; atau
- (ii) Penyediaan perkhidmatan pekerjaan untuk pekerjaan di luar Malaysia.

47. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Panduan Perkhidmatan Pekerjaan.

Perkhidmatan Agensi Persendirian

48. Penyediaan perkhidmatan agensi persendirian adalah bagi mana-mana orang yang dilesenkan di bawah Akta Agensi Persendirian 1971 [Akta 27] yang menyediakan perkhidmatan pengawal atau perlindungan bagi keselamatan diri atau sekuriti orang lain, keselamatan atau sekuriti harta atau perniagaan orang lain termasuk menyediakan sistem pemantauan berpusat dimana ia adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

49. Penyediaan perkhidmatan pengawal atau perlindungan harta bagi keselamatan mesin ATM dan perkhidmatan penghantaran serta kutipan wang (*Cash in Transit*) yang melibatkan perkhidmatan pengangkutan keselamatan, pengurusan tunai, pengurusan rekod dan perkhidmatan pemantauan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

50. Walau bagaimanapun, perkhidmatan dinyatakan di atas tidak dikenakan cukai perkhidmatan jika penyediaan perkhidmatan tersebut adalah untuk mengawal atau melindungi orang, harta atau perniagaan yang terletak di luar Malaysia. Disamping itu, perkhidmatan penyiasat persendirian adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Perkhidmatan Digital

51. Perkhidmatan digital bermaksud perkhidmatan yang dihantar atau dilanggan melalui internet atau rangkaian elektronik lain dan yang tidak boleh diperolehi tanpa menggunakan teknologi maklumat dan di mana penyampaian perkhidmatan itu pada dasarnya adalah automatik.

52. Perkhidmatan ini termasuk penyediaan perkhidmatan berikut (senarai ini tidak terhad):

(i) Perisian, aplikasi & permainan video

(cth: memuat turun perisian dalam talian, *updates and ad-ons website filters, firewalls*, penyediaan aplikasi mudah alih, permainan dalam talian);

(ii) Muzik, *e-book* dan filem

(cth: penyediaan muzik, perkhidmatan *streaming*, termasuk termasuk media / keahlian berasaskan langganan);

Contoh 11

Sono Music menjual album kepada pengguna menggunakan laman web sendiri.

Pengguna akan memuat turun muzik yang dibeli dari laman web Sono Music. Sono Music akan mengeluarkan invois kepada pelanggan. Sono Music menyediakan perkhidmatan digital.

(iii) Platform iklan dan dalam talian

(cth: menawarkan ruang iklan dalam talian di platform media, menawarkan platform untuk memperdagangkan produk atau perkhidmatan)

Contoh 12

ShopU.com menyediakan platform dalam talian dan pada masa yang sama menjual aplikasinya sendiri kepada pengguna. Pengguna perlu memuat turun aplikasi yang dibeli dari platform. ShopU.com akan mengeluarkan invois kepada pengguna untuk penjualan aplikasinya sendiri. ShopU.com menyediakan perkhidmatan digital.

Contoh 13

*Amazing.com menyediakan platform dalam talian untuk memperdagangkan perkhidmatan atau barang. Salah satu peniaga adalah COC Sdn. Bhd (pemilik permainan dalam talian) yang menjual permainan dalam talian. Pelanggan yang ingin membeli permainan dari COC Sdn. Bhd akan membelinya melalui platform Amazing.com. COC Sdn. Bhd **akan mengeluarkan invois kepada pelanggan**. Di bawah senario ini, COC Sdn. Bhd dianggap menyediakan perkhidmatan digital.*

Contoh 14

*Amazing.com menyediakan platform dalam talian untuk memperdagangkan perkhidmatan atau barang. Salah satu peniaga adalah COC Sdn. Bhd (pemilik permainan dalam talian) yang menjual permainan dalam talian. Pelanggan yang ingin membeli permainan dari COC Sdn. Bhd akan membelinya melalui platform Amazing.com. **Amazing.com akan mengeluarkan invois kepada pelanggan**. Di bawah senario ini, Amazing.com dianggap menyediakan perkhidmatan digital.*

Contoh 15

FiST Platform KL menyediakan platform tempahan penginapan kepada pengguna. Doremi Hotel KL akan mengiklankan penginapan melalui FiST Platform KL. Ali (pengguna) akan menempah Doremi Hotel KL menggunakan platform. Dalam senario ini, FiST Platform KL tidak menyediakan perkhidmatan digital kepada Ali. FiST Platform KL menyediakan perkhidmatan digital kepada Doremi Hotel KL.

(iv) Enjin carian dan rangkaian sosial

(cth: perkhidmatan enjin carian yang disesuaikan)

(v) Pangkalan data dan *hosting*

(cth: *hosting* laman web, penyimpanan data dalam talian, perkongsian fail dan *cloud storage services*)

(vi) Telekomunikasi Berasaskan Internet

(cth: *Cloud-PABX, VOIP Phone*)

(vii) Latihan dalam talian

(cth: kursus dalam talian, webinar pra-rakaman)

(viii) Lain-lain

(cth: penyediaan kandungan digital lain seperti gambar, teks, maklumat dan perkhidmatan pemprosesan pembayaran)

53. Penyediaan perkara di atas tidak dianggap sebagai perkhidmatan digital sekiranya:

(ix) Perkhidmatan boleh diperolehi tanpa menggunakan IT

Contoh 16

Reezal membeli perisian antivirus dari pengendali platform dalam talian. Antivirus adalah dalam bentuk fizikal (dalam CD) dan dihantar kepada En. Reezal menggunakan kurier. Pembelian antivirus ini tidak dianggap sebagai perkhidmatan digital.

(x) Penghantaran perkhidmatan melalui e-mel

Perkhidmatan yang dihantar melalui e-mel tidak dianggap sebagai perkhidmatan digital memandangkan penyampaian perkhidmatan memerlukan penglibatan manusia. Penyampaian perkhidmatan tidak dapat dikaitkan dengan transaksi jual beli.

Contoh 17

Hakeem & Co. ialah sebuah syarikat seni bina di Malaysia. Dia mendapatkan sebuah lukisan 3D yang disesuaikan dari syarikat rakannya yang terletak di California. Satu siri versi draf dan versi akhir lukisan telah dihantar melalui e-mel kepada Hakeem & Co. Lukisan yang dihantar melalui e-mel tersebut tidak dianggap sebagai perkhidmatan digital.

54. Mana-mana orang yang mengendalikan platform atau pasaran dalam talian adalah menyediakan perkhidmatan bercukai sekiranya perkhidmatan tersebut termasuk di dalam kategori ini:

- (xi) menyediakan perkhidmatan digital;
- (xii) menyediakan media elektronik yang membolehkan pembekal memberikan bekalan kepada pelanggan atau transaksi untuk penyediaan perkhidmatan digital bagi pihak orang lain;

tetapi tidak termasuk penyediaan perkhidmatan tersebut berkaitan dengan perkara di luar Malaysia.

LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PERKHIDMATAN PROFESIONAL

55. Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas sebarang perkhidmatan bercukai yang disediakan oleh pembekal perkhidmatan bercukai profesional seperti yang disenaraikan di bawah Kumpulan G, Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.

56. Pembekal perkhidmatan profesional dikehendaki mengenakan cukai perkhidmatan pada kadar 6% kepada syarikat atau pengguna ke atas perkhidmatan bercukai yang disediakan dan mengakaunkan cukai tersebut kepada kerajaan.


57. Pembekal perkhidmatan profesional yang menyediakan perkhidmatan bercukai seperti yang ditetapkan di bawah dalam Kumpulan G (Profesional) Jadual Pertama, Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 kepada syarikat dalam kumpulan syarikat yang sama adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan:

- (i) Penyediaan perkhidmatan perundangan.
- (ii) Penyediaan perkhidmatan perundangan mengenai hal-hal islam.
- (iii) Penyediaan perkhidmatan perakaunan.
- (iv) Penyediaan semua jenis perkhidmatan mengukur.
- (v) Penyediaan perkhidmatan kejuruteraan,
- (vi) Penyediaan perkhidmatan seni bina,
- (vii) Penyediaan perkhidmatan perundingan,
- (viii) Penyediaan semua jenis perkhidmatan teknologi maklumat,
- (ix) Penyediaan semua jenis perkhidmatan pengurusan, atau
- (x) Perkhidmatan digital.

58. Walau bagaimanapun, jika perkhidmatan profesional (seperti di perenggan 57) disediakan kepada anak syarikat dalam kumpulan syarikat yang sama tetapi pada masa yang sama subsidiari tersebut juga menyediakan perkhidmatan bercukai kepada orang di luar kumpulan syarikat, perkhidmatan tersebut yang diberikan kepada subsidiari masih dikira sebagai bukan perkhidmatan bercukai.

Contoh 18

Perkhidmatan yang diberikan kepada Orang di luar Kumpulan Syarikat:




MM Berhad menyediakan perkhidmatan perakaunan kepada Syarikat A yang merupakan syarikat subsidiari dalam kumpulan syarikat yang sama. Sementara itu, MM Berhad juga menyediakan perkhidmatan perakaunan kepada Syarikat B yang merupakan syarikat di luar kumpulan syarikat. Oleh itu, perkhidmatan yang diberikan oleh MM Berhad kepada Syarikat A atau Syarikat B adalah perkhidmatan bercukai dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan tanpa mengira sama ada perkhidmatan tersebut diberikan kepada syarikat di dalam atau di luar kumpulan syarikat.

59. Berkuatkuasa 1 Januari 2020, selain daripada perenggan 58, jika suatu syarikat memberikan mana-mana perkhidmatan bercukai kepada orang lain di luar kumpulan syarikat, perkhidmatan bercukai yang sama yang diberikan kepada mana-mana syarikat di dalam kumpulan syarikat itu hendaklah tidak menjadi suatu perkhidmatan bercukai, dengan syarat bahawa jumlah nilai perkhidmatan bercukai kepada orang di luar kumpulan syarikat itu dalam bulan itu dan sebelas bulan sebaik sahaja selepas bulan itu tidak melebihi suatu jumlah yang bersamaan dengan lima peratus daripada jumlah nilai perkhidmatan bercukai.

Contoh 19

Perkhidmatan yang diberikan kepada Orang di luar Kumpulan Syarikat:



Dengan syarat:

Nilai perkhidmatan IT (c) \leq 5% jumlah nilai perkhidmatan IT (untuk tempoh 12 bulan)

Pengiraan:

Perkhidmatan IT (a) = RM200,000
Perkhidmatan IT (b) = RM200,000
Perkhidmatan IT (c) = RM20,000
Jumlah perkhidmatan IT = RM420,000

Pengiraan untuk 5%:

= Perkhidmatan IT (c) / Jumlah nilai perkhidmatan IT X 100
= RM20,000 / RM420,000 X 100
= 4.76%

MM Berhad menyediakan perkhidmatan IT kepada anak syarikatnya, Syarikat A dan Syarikat B (syarikat dalam kumpulan syarikat yang sama) dan juga perkhidmatan perundingan kepada Syarikat C (syarikat adalah kumpulan syarikat yang sama).

Sementara itu, MM Berhad juga menyediakan perkhidmatan IT kepada Syarikat X yang merupakan syarikat di luar kumpulan syarikat tersebut. Walau bagaimanapun, nilai perkhidmatan IT yang diberikan kepada Syarikat X adalah kurang dari 5% dari jumlah nilai perkhidmatan IT yang diberikan kepada semua syarikat (di dalam dan di luar kumpulan syarikat). Oleh itu, perkhidmatan IT yang disediakan oleh MM Berhad di dalam dan di luar kumpulan syarikat tidak dikenakan cukai perkhidmatan.

Perkhidmatan Yang Tidak Dikenakan Cukai

60. Syarikat yang berada dalam kumpulan syarikat dan menyediakan perkhidmatan bercukai sepertimana yang dinyatakan di dalam perenggan 57 di atas kepada mana-mana syarikat yang berada dalam kumpulan syarikat yang sama, adalah tidak dikira sebagai perkhidmatan bercukai.

61. Jika kumpulan syarikat terdiri daripada dua atau lebih syarikat layak disifatkan sebagai syarikat dalam suatu kumpulan syarikat jika suatu syarikat mengawal setiap daripada syarikat-syarikat yang lain. Sesuatu syarikat hendaklah dianggap sebagai mengawal sebuah syarikat yang lain, jika:

- (i) Syarikat pertama disebut memegang:
 - (a) Secara langsung;
 - (b) Secara tidak langsung melalui subsidiari; atau
 - (c) Bersama secara langsung atau tidak langsung melalui subsidiari, lebih daripada lima puluh peratus (50%) modal berbayar yang dikeluarkan oleh syarikat kedua disebut; atau

(ii) Syarikat pertama disebut memegang:


- (a) Secara langsung;
- (b) Secara tidak langsung melalui subsidiari; atau
- (c) Bersama secara langsung atau tidak langsung melalui subsidiari,

Dari dua puluh peratus (20%) hingga lima puluh peratus (50%) daripada modal berbayar yang dikeluarkan oleh syarikat kedua disebut dan syarikat pertama disebut mempunyai kuasa pelaksanaan untuk melantik atau mengeluarkan kesemua atau majoriti pengarah dalam lembaga pengarah dalam syarikat kedua disebut.

62. Di mana sesebuah syarikat dikawal menurut perenggan 61(i) oleh dua atau lebih syarikat, apa-apa syarikat (syarikat kedua disebut) hendaklah dianggap boleh dikawal oleh syarikat pertama disebut yang mempunyai kuasa pelaksanaan untuk melantik atau mengeluarkan kesemua atau majoriti pengarah dalam lembaga pengarah dalam syarikat kedua disebut.

Contoh 20

Secara langsung melalui subsidiari:




LY Berhad memegang 51% saham ke atas Syarikat A Sdn. Bhd. Bagi tujuan cukai perkhidmatan, LY Berhad disifat mempunyai kawalan sepenuhnya dan secara langsung ke atas Syarikat A Sdn Bhd dan mereka layak disifatkan sebagai syarikat dalam suatu

kumpulan syarikat. Oleh yang demikian, mana-mana perkhidmatan yang disediakan di dalam kumpulan syarikat yang sama tidak dianggap sebagai perkhidmatan bercukai.

Contoh 21


Secara tidak langsung melalui subsidiari:



Menunjukkan bahawa LY Berhad mempunyai kawalan langsung ke atas Syarikat A Sdn Bhd dengan memegang 80% saham dan Syarikat A Sdn Bhd mengawal Syarikat A1 Sdn Bhd dengan memegang 70% saham Syarikat. Secara tidak langsung, LY Berhad mempunyai kuasa untuk mengawal Syarikat A1 Sdn Bhd. Bagi tujuan cukai perkhidmatan, LY Berhad, Syarikat A Sdn Bhd dan Syarikat A1 Sdn Bhd layak disifatkan sebagai syarikat dalam suatu kumpulan syarikat. Oleh yang demikian, mana-mana perkhidmatan yang disediakan di dalam kumpulan syarikat yang sama tidak akan dianggap sebagai perkhidmatan bercukai. Oleh itu, penyediaan perkhidmatan perakaunan oleh LY Berhad kepada Syarikat A1 Sdn Bhd ini tidak dikenakan cukai perkhidmatan.

Contoh 22


Pegangan syarikat secara langsung dan tidak langsung melalui subsidiari:



Menunjukkan bahawa syarikat layak disifatkan mengawal syarikat lain jika syarikat pertama yang disebut LY Berhad memegang secara langsung atau tidak langsung dari subsidiari syarikat lebih daripada 50% modal saham terbitan syarikat yang disebutkan itu. Oleh itu, LY Berhad memegang 80% saham Syarikat B Sdn Bhd dan Syarikat B Sdn Bhd mengawal Syarikat B2 Sdn Bhd sebanyak 60% saham. Oleh itu, LY Berhad mempunyai kawalan secara tidak langsung kepada Syarikat B2 Sdn Bhd dengan memegang 48% sahamnya. Oleh itu, pembekalan perkhidmatan IT oleh LY Berhad kepada Syarikat B2 Sdn Bhd dikenakan cukai perkhidmatan.

Contoh 23

Syarikat yang disifatkan sebagai mengawal syarikat lain:




LY Berhad telah membentuk kumpulan syarikat dengan Syarikat B Sdn Bhd dan Syarikat B1 Sdn Bhd. Pada masa yang sama, LY Berhad juga memiliki 21% saham dalam Syarikat C Sdn Bhd. Walaupun LY Berhad hanya memiliki 21% saham di Syarikat C Sdn Bhd, syarikat itu masih boleh membentuk kumpulan syarikat dengan Syarikat C Sdn Bhd kerana syarikat itu mempunyai kuasa untuk melantik atau mengeluarkan kesemua atau majoriti pengarah dalam lembaga pengarah di Syarikat C Sdn Bhd. Oleh itu, apa-apa perkhidmatan yang disediakan dalam kumpulan syarikat yang sama tidak boleh dianggap sebagai perkhidmatan bercukai. Dengan itu, pembekalan perkhidmatan perundangan oleh LY Berhad kepada Syarikat C Sdn Bhd tidak dikenakan cukai perkhidmatan.

63. Jika sesebuah syarikat menyediakan apa-apa perkhidmatan yang disebutkan dalam perenggan 57 kepada orang lain di luar kumpulan syarikat, perkhidmatan sedemikian hendaklah dianggap sebagai perkhidmatan bercukai tanpa mengira kepada siapa perkhidmatan itu disediakan dan tidak layak untuk disifatkan sebagai perkhidmatan antara kumpulan dan ia adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Contoh 24

Perkhidmatan yang disediakan oleh ahli dalam kumpulan syarikat kepada syarikat yang di luar kumpulan syarikat.




LY Berhad, Syarikat B Sdn Bhd, Syarikat B1 Sdn Bhd dan Syarikat C Sdn Bhd telah membentuk satu kumpulan syarikat. Oleh itu, apa-apa pembekalan perkhidmatan di dalam kumpulan syarikat yang sama yang dibuat oleh mana-mana pembekal perkhidmatan di bawah Kumpulan G (Profesional) Jadual Pertama, Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018, seperti di perenggan 57 di atas dianggap sebagai perkhidmatan tidak bercukai. Dalam contoh ini, Syarikat C Sdn Bhd menyediakan perkhidmatan perundangan kepada ahlinya di dalam kumpulan syarikat, Syarikat D Sdn Bhd yang bukan ahli kumpulan. Oleh itu, perkhidmatan yang diberikan oleh Syarikat C Sdn Bhd kepada LY Berhad, Syarikat B

Sdn Bhd, Syarikat B1 Sdn Bhd dan Syarikat D Sdn Bhd tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Walau bagaimanapun, perkhidmatan yang diberikan oleh LY Berhad,

Syarikat B Sdn Bhd dan Syarikat B1 Sdn Bhd kepada Syarikat C Sdn Bhd yang dibuat di dalam kumpulan syarikat yang sama adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.


Contoh 25

Perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat berkaitan kepada anggota kumpulan syarikat



Tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
Penyediaan perkhidmatan perakaunan kepada syarikat berkaitan (dalam kumpulan syarikat yang sama)

Contoh 26



Tertakluk kepada 6% cukai perkhidmatan.
Syarikat C1 S/B tidak dianggap sebagai sebuah syarikat dalam kumpulan syarikat yang sama.

PENGECUALIAN DARI PEMBAYARAN CUKAI PERKHIDMATAN (PENGECUALIAN ANTARA PERNIAGAAN (B2B))


64. Berkuat kuasa 1 Januari 2019, penyedia perkhidmatan di bawah Kumpulan G (tidak termasuk Item 10 dan 11) diberikan pengecualian daripada pembayaran cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan yang sama yang diterima olehnya. Pengecualian ini berhak digunakan jika memenuhi syarat yang ditentukan di bawah item 1, Perintah Cukai Perkhidmatan (Orang yang Dikecualikan dari Pembayaran Cukai) 2018 seperti di bawah:

- Perkhidmatan yang dikecualikan di bawah Kumpulan G (tidak termasuk Item 10 dan 11);
- Penyedia perkhidmatan yang merupakan penerima perkhidmatan yang dikecualikan itu mestilah orang yang berdaftar;
- Perkhidmatan yang dikecualikan cukai adalah perkhidmatan yang sama yang diberikan oleh orang yang dikecualikan daripada pembayaran cukai; dan
- Perkhidmatan yang disediakan bukan untuk kegunaan sendiri.

Contoh 27


Run2U Sdn Bhd adalah orang berdaftar yang menyediakan perkhidmatan teknologi maklumat (ITS). Run2U Sdn Bhd dilantik oleh Delica Berhad untuk membangunkan perisian baru untuk syarikat itu. Run2U Sdn Bhd kemudian akan melibatkan Lightware Sdn Bhd untuk membangunkan perisian tersebut. Run2U akan menyesuaikan perisian berdasarkan keperluan Delica Berhad. Berdasarkan pengaturannya, Lightware Sdn Bhd akan mengenakan bayaran kepada Run2U Sdn Bhd untuk perkhidmatan yang mereka berikan.

Dengan andaian bahawa Lightware Sdn Bhd adalah orang berdaftar di bawah perkhidmatan teknologi maklumat (ITS). Pada prinsipnya, ITS yang disediakan oleh Lightware Sdn Bhd adalah perkhidmatan yang dikenakan cukai dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Namun, oleh kerana Lightware Sdn Bhd memberikan ITS kepada Run2U Sdn Bhd yang juga merupakan orang berdaftar di bawah kategori ITS, maka Lightware Sdn Bhd tidak perlu mengenakan cukai perkhidmatan untuk ITS. Lightware Sdn Bhd, berhak mendapat pengecualian dari pembayaran cukai perkhidmatan.



Contoh 28


Berkaitan dengan contoh 27, untuk situasi lain Run2U Sdn Bhd melibatkan PhooDotCom untuk membangunkan perisian untuk syarikat itu sendiri. Run2U Sdn Bhd kini menjadi pengguna akhir. PhooDotCom perlu mengenakan cukai perkhidmatan ke atas ITS yang diberikan kepada Run2U Sdn Bhd. Berdasarkan pengaturan ini, Run2U Sdn Bhd tidak berhak mendapat pengecualian daripada pembayaran cukai perkhidmatan kerana syarikat kini menjadi pengguna akhir untuk ITS.



Contoh 29

ChitChat Sdn Bhd menjalankan perniagaan berkaitan ITS. Syarikat itu melibatkan ChumilDotCom bagi membangunkan perisian untuk syarikat tersebut. ChumilDotCom memutuskan untuk melibatkan ITS lain, Bombi.Net Sdn Bhd untuk menyesuaikan perisian. Bombi.Net Sdn Bhd kemudian akan melantik penyedia ITS lain, Jampi.Co Sdn Bhd untuk menyediakan rangkaian tersebut.


Dengan anggapan semua syarikat adalah orang berdaftar di bawah kategori ITS. Oleh itu, kedua-dua ChumilDotCom dan Bombi.Net Sdn Bhd berhak mendapat pengecualian daripada pembayaran cukai perkhidmatan.



Contoh 30

Beat.Net Sdn Bhd adalah orang berdaftar yang menyediakan ITS. Beat.Net Sdn Bhd dilantik oleh Genius Berhad untuk membangunkan perisian baru untuk syarikat itu. Beat.Net Sdn Bhd kemudian akan melibatkan Put2U Ltd. di London untuk mengembangkan perisian tersebut. Beat.Net akan menyesuaikan perisian berdasarkan keperluan Genius Berhad.

Pada prinsipnya, ITS yang diperoleh oleh Beat.Net dari Put2U Ltd adalah perkhidmatan bercukai yang diimport dan dikenakan cukai perkhidmatan. Mulai 1 Januari 2020, di bawah Item 4, Perintah Cukai Perkhidmatan (Orang yang Dikecualikan Dari Pembayaran Cukai) (Pindaan) 2019, ITS yang diimport oleh Beat.net dikecualikan daripada pembayaran cukai perkhidmatan. Selepas itu Beat.Net dikehendaki mengenakan cukai perkhidmatan Genius Bhd ke atas ITS.



TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR DI BAWAH PENGECCUALIAN B2B

65. Mana-mana orang berdaftar di bawah kategori pengecualian B2B, yang telah memberikan perkhidmatan bercukai kepada mana-mana orang berdaftar yang berhak mendapat pengecualian tersebut dikehendaki:

- a. Mengeluarkan invois dengan butiran tambahan berikut:
 - i. nama dan alamat pelanggan;
 - ii. nombor pendaftaran cukai perkhidmatan pelanggan;
 - iii. jumlah cukai perkhidmatan yang dikecualikan.

- b. Mengikrar nilai keseluruhan perkhidmatan yang dikecualikan cukai

Mengikrar nilai perkhidmatan yang dikecualikan daripada cukai (pengecualian B2B) di dalam ruangan 18 (c) Penyata SST-02.

PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR

66. Penyedia perkhidmatan profesional yang mempunyai jumlah perolehan bagi tempoh 12 bulan melebihi nilai ambang yang ditetapkan bagi perkhidmatan bercukai perlu berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

67. Orang berdaftar adalah bertanggungjawab untuk:
 - (i) Mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai;

 - (ii) Mengeluarkan invois dan resit seperti yang ditetapkan di bawah akta kepada pelanggan berkenaan dengan apa-apa transaksi yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan bercukai;

 - (iii) Mengemukakan penyata cukai perkhidmatan SST-02 dan membayar cukai perkhidmatan sebelum tarikh tamat tempoh; dan

 - (iv) Menyimpan rekod berhubung dengan transaksi cukai perkhidmatan.

68. Untuk maklumat lanjut mengenai tanggungjawab orang berdaftar, sila rujuk **Panduan Umum Cukai Perkhidmatan** dan **Panduan Spesifik** yang berkaitan.

SOALAN- SOALAN LAZIM

1. S : **Apakah implikasi cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan profesional?**

J : Perkhidmatan profesional yang disenaraikan dalam Kumpulan G, Jadual Pertama, Peraturan-peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 adalah dikenakan cukai perkhidmatan pada kadar 6%.

2. S : **Adakah cukai perkhidmatan akan dikenakan ke atas perkhidmatan yang telah dilaksanakan ke atas projek yang ditangguh atau dibatalkan?**

J : Cukai perkhidmatan akan dikenakan ke atas perkhidmatan yang telah dilaksanakan walaupun projek tersebut ditangguh atau dibatalkan.

3. S : **Sebagai orang berdaftar yang menyediakan perkhidmatan profesional, bagaimanakah saya mengenakan dan mengakaunkan cukai perkhidmatan?**

J : Sebagai orang berdaftar, cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan ke atas perkhidmatan yang diberikan berdasarkan nilai perkhidmatan yang dilakukan termasuk semua caj berkenaan dengan perbelanjaan pelbagai, kos kerja tambahan, komisen, perbelanjaan perjalanan atau penginapan, pembayaran balik, bayaran untuk percetakan, alat tulis dan sebagainya. Anda dikehendaki untuk mengakaunkan cukai perkhidmatan apabila pembayaran diterima mengikut tempoh bercukai.

Contoh 10:

JB & Co merupakan orang berdaftar yang menyediakan perkhidmatan seni bina kepada pelanggan B. Perkhidmatan ini bermula pada 1 September 2018 dan berakhir pada 31 Disember 2018. Invois yang dikeluarkan hendaklah termasuk nilai perkhidmatan, komisen, perbelanjaan pelbagai, kos kerja tambahan,

perjalanan dan perbelanjaan penginapan dan lain-lain perkhidmatan yang dikenakan cukai. Tarikh perkhidmatan selesai dilaksanakan iaitu pada 31 Disember 2018 dan pembayaran diterima pada 2 Januari 2019. Dengan mengandaikan pembayaran yang diterima dalam tempoh bercukai Januari-Februari, JB & Co perlu membuat pembayaran dan mengemukakan penyata cukai perkhidmatan sebelum 31 Mac 2019.

Dengan anggapan bahawa pembayaran diterima dalam tempoh bercukai Januari-Februari, JB & Co perlu membuat bayaran dan menghantar penyata cukai perkhidmatan sebelum 31 Mac 2019.

4. S : **Adakah yuran keahlian yang dikenakan oleh badan profesional seperti Majlis Peguam, Lembaga Jurutera Malaysia, Lembaga Arkitek Malaysia, Institut Akauntan Malaysia dan lain-lain tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**
- J : Apa-apa yuran yang dikawal selia di bawah mana-mana undang-undang dan dikenakan oleh mana-mana badan profesional tidak dikenakan cukai perkhidmatan.
5. S : **Sekiranya saya terlibat dengan firma tempatan untuk melaksanakan projek kejuruteraan di luar negara, adakah saya perlu mengakaunkan cukai perkhidmatan?**
- J : Semua perkhidmatan profesional yang dibekalkan berkaitan dengan barang atau tanah yang terletak atau selain dari perkara –perkara yang berhubung di luar Malaysia tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kecuali bekalan yang dibuat berkaitan dengan barang atau tanah yang terletak di dalam Malaysia.

6. S : **Adakah sub-perunding yang menyediakan perkhidmatan perundingan kejuruteraan profesional kepada perunding utama tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Sub-perunding yang merupakan orang berdaftar yang membekalkan perkhidmatan perundingan kejuruteraan profesional kepada perunding utama perlu mengenakan dan mengakaunkan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatannya. Walau bagaimanapun, jika penerima perkhidmatan juga merupakan orang yang berdaftar dan memberikan perkhidmatan yang sama, penerima dikecualikan daripada pembayaran cukai perkhidmatan.

7. S : **Adakah cukai perkhidmatan dikenakan ke atas deposit yang diterima daripada pelanggan?**

J : Deposit yang diterima bagi tujuan sekuriti tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Walau bagaimanapun, jika deposit yang diterima adalah sebahagian daripada pembayaran, maka ia tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

8. S : **Bagaimanakah cukai perkhidmatan dikenakan apabila diskaun diberikan?**

J : Cukai perkhidmatan dikenakan pada diskaun atau jumlah perkhidmatan yang dibekalkan oleh orang berdaftar.

Contoh 11:

Yuran guaman	=	RM5, 000
Diskaun 10%	=	(RM500)
Diskaun amaun yang perlu dibayar	=	RM4, 500
Cukai Perkhidmatan @ 6%	=	RM 270
Jumlah yang perlu dibayar	=	RM4, 770

9. S : **Saya menyediakan perkhidmatan bercukai kepada pelanggan saya pada 4 Oktober 2018 dan mengeluarkan invois pada 31 Oktober 2018. Sudah melebihi tempoh setahun dan saya tidak menerima sebarang bayaran daripada pelanggan saya. Perlukah saya menunggu bayaran sebelum saya mengambil kira cukai perkhidmatan?**

J : Cukai perkhidmatan diakaunkan berdasarkan pada masa bayaran diterima. Jika pembayaran tidak diterima daripada pelanggan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh invois dikeluarkan, anda dikehendaki untuk mengakaunkan dan membayar cukai perkhidmatan selepas tempoh 12 bulan pada tarikh yang berikutnya.

Merujuk pindaan ACP 2018, berkuatkuasa mulai 1 September 2019, anda perlu menjelaskan cukai perkhidmatan sehari selepas 12 bulan dari tarikh perkhidmatan diberikan walaupun pembayaran belum diterima dan sama ada invois dikeluarkan atau tidak.

10. S : **Adakah perunding tempatan yang mendapatkan perkhidmatan daripada perunding asing perlu mengakaunkan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan yang diimport?**

J : Ya, ia tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah perkhidmatan bercukai yang diimport.

11. S : **Jika saya memberi perkhidmatan perundangan kepada orang di luar Malaysia tetapi pembayaran dikenakan dan dibayar oleh seseorang di Malaysia. Adakah saya perlu mengakaunkan cukai perkhidmatan?**

J : Penyediaan perkhidmatan guaman berhubung dengan perkara di luar Malaysia tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

12. S : **Apakah layanan cukai perkhidmatan bagi penyediaan perkhidmatan perundangan yang disediakan oleh pengamal undang-undang di Malaysia kepada penerima di Kawasan Yang Ditetapkan (Langkawi, Tioman atau Labuan)?**
- J : Penyediaan perkhidmatan perundangan oleh orang yang berdaftar di Malaysia kepada seseorang penerima yang berada di kawasan yang ditetapkan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
13. S : **Apakah layanan cukai perkhidmatan terhadap penyediaan perkhidmatan perundangan yang diberikan oleh pengamal undang-undang yang berdaftar di Kawasan Yang Ditetapkan kepada penerima di Malaysia?**
- J : Perkhidmatan perundangan yang disediakan oleh pengamal berdaftar yang berada di Kawasan yang Ditetapkan kepada penerima di Malaysia adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
14. S : **Adakah perkhidmatan perundangan yang diberikan di dalam atau di antara kawasan yang ditetapkan tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**
- J : Perkhidmatan perundangan yang diberikan di dalam atau di antara kawasan yang ditetapkan adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
15. S : **AA Company Berhad menyediakan perkhidmatan perakaunan kepada syarikat subsidiarinya di dalam kumpulan syarikat yang sama. Nilai di atas perkhidmatan yang disediakan ialah RM 600,000. Selepas itu, AA Company Berhad menandatangani perjanjian untuk menyediakan perkhidmatan perakaunan kepada BB Company Sdn Bhd yang bukan di dalam kumpulan syarikat. Adakah Syarikat AA Berhad perlu mengenakan cukai perkhidmatan kepada anak syarikat dalam kumpulan syarikat yang sama?**

J : Apabila perkhidmatan perakaunan diperluaskan kepada Syarikat BB Sdn Bhd yang bukan ahli kumpulan syarikat, perkhidmatan perakaunan yang diberikan kepada anak syarikatnya adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

16. S : **Bilakah cukai perkhidmatan perlu dibayar bagi pengamal undang-undang yang telah menerima wang/bayaran dan mendepositkannya ke dalam akaun pelanggan atau akaun amanah pelanggan?**

J : Tiada cukai perkhidmatan dikenakan dahulu kerana wang dalam akaun pelanggan bukan bayaran untuk perkhidmatan guaman tersebut.

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan panduan ini sila berhubung:

Bahagian Cukai Dalam Negeri
(SST) Jabatan Kastam Diraja
Malaysia Aras 3 - 7, Blok A,
Menara Tulus,
No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3,
62100 Putrajaya.

BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST

Informasi selanjutnya boleh didapati di :

- (i) Laman Web SST : <https://mysst.customs.gov.my>
- (ii) Pusat Panggilan Kastam
 - Tel : 03-7806 7200 / 1-300-888-500
 - Fax : 03-7806 7599
 - Email : ccc@customs.gov.my

RINGKASAN PINDAAN PADA DOKUMEN

Para	Keterangan
Para 6	<p>Mengeluarkan ayat “ Bagi maksud panduan ini, perkhidmatan profesional meliputi aktiviti-aktiviti yang memerlukan tahap latihan, pengetahuan khusus dan kemahiran yang tinggi.</p> <p>Para 6(vii) – Memasukkan perkataan “latihan dan tunjuk ajar” selepas perkataan “perundangan”.</p> <p>Para 6(x) – Memadam perkataan “dan” selepas perkataan “pekerjaan”</p> <p>Para 6(xi) – Memasukkan perkataan “dan” selepas perkataan “sekuriti”,</p> <p>Para 6(xii) – Menambah “perkhidmatan digital”.</p>
Para 7	<p>Memasukkan perenggan berikut</p> <p>“Perkhidmatan perundangan merujuk kepada pemberian nasihat undang-undang dan pemberian perwakilan dalam hal-hal yang berkaitan dengan perundangan.”</p>
Para 9	<p>Menyusun atur ayat “pada masa ini berkuatkuasa” kepada “yang berkuatkuasa pada masa ini”</p> <p>Mengeluarkan ayat berikut</p> <p>“seperti Akta Profesion Undang-undang 1976, Ordinan Peguam Bela Sarawak 1953 atau Ordinan Peguam Bela Sabah 1953”.</p>
Para 11	<p>Mengeluarkan ayat</p> <p>“Sebagai contoh, amalan undang-undang syarikat di Wilayah Persekutuan, mana-mana Peguam syarie perlu berdaftar di bawah Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505].”</p>
Para 12	<p>Memasukkan perenggan berikut</p> <p>“Layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan undang-undang juga terpakai untuk perkara-perkara Islamik secara mutatis mutandis.”</p>
Para 15	<p>Menggantikan ayat</p> <p>“pada masa ini berkuatkuasa seperti Akta Akauntan, 1967.”</p> <p>kepada</p> <p>“berkuatkuasa pada masa ini.”</p>

Para 18	Mengeluarkan ayat “pada masa ini berkuatkuasa seperti Akta Penilai, Penaksir dan Ejen Hartanah 1981 [Akta 242], Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 [Akta 458] atau Akta Juruukur Bahan 1967 [Akta 487].” dan menggantikan dengan “berkuatkuasa pada masa ini.”
Para 19	Menambah butiran (xiii) Juruukur kapal / selain darat selepas butiran (xii).
Para 27	Menggantikan perkataan (a) “harta mudah alih” kepada “harta alih” (b) “harta tidak alih” kepada “harta tak alih”
Para 28	Mengeluarkan ayat “di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [Akta 138].” Dan menggantikan dengan “di bawah undang-undang bertulis yang berkuatkuasa pada masa ini.”
Para 29	Memasukkan perenggan berikut “Perkhidmatan kejuruteraan bermaksud apa-apa perkhidmatan atau karya kreatif, prestasi yang memadai di mana ianya memerlukan pendidikan, latihan dan pengalaman kejuruteraan dalam penerapan pengetahuan khas matematik, fizikal dan sains kejuruteraan bagi perkhidmatan atau karya kreatif tersebut.”
Para 32	Menggantikan perenggan berikut “Penyedia perkhidmatan senibina adalah seorang Arkitek yang berdaftar di bawah Akta Arkitek 1967 atau mana-mana undang-undang bertulis yang pada masa ini berkuatkuasa.” kepada “Penyedia perkhidmatan senibina adalah seorang Arkitek yang berdaftar di bawah undang-undang bertulis yang berkuatkuasa pada masa ini.”

<p>Para 37</p>	<p>Memasukkan butiran (ii) berikut</p> <p>“Penyediaan perkhidmatan perundingan berhubung dengan manusia atau haiwan untuk tujuan penjagaan kesihatan atau perkhidmatan veterinar yang disediakan oleh makmal.”</p>
<p>Para 35</p>	<p>Menggabungkan butiran (ii) dan butiran (iii) menjadi butiran (i) dan</p> <p>Memasukkan butiran (ii) berikut</p> <p>“Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun.”</p>
<p>Para 39</p>	<p>Tambahan butiran berikut</p> <p>“(viii) Seseorang yang dilantik sebagai pengarah bukan eksekutif (PBE) atas kemampuan peribadinya di bawah kontrak untuk perkhidmatan bagi memberikan pendapat/khidmat nasihat pakar. Pengarah yang dilantik di bawah kontrak untuk perkhidmatan boleh mengenakan bayaran kepada syarikat dan bayaran tersebut dikenakan cukai perkhidmatan.”</p> <p>“(ix) Walau bagaimanapun, jika seseorang dilantik sebagai pengarah atas kapasiti jawatan yang disandang iaitu kontrak atas perkhidmatan atau pun bekerja dengan syarikat, maka ianya tidak dikenakan cukai perkhidmatan.”</p> <p>Tambahan Diagram 1: Layanan cukai perkhidmatan ke atas pemegang jawatan / yuran pengarah – rujuk m/s 14</p> <p>Tambahan para (a) dan para (b)</p> <p>a) Manfaat Berupa Barangan</p> <p>Manfaat berupa barangan juga merupakan sebahagian daripada pakej saraan dan ia adalah sebagai insentif tambahan untuk pengarah. PBE boleh menerima faedah seperti elaun dari segi wang tunai yang diberikan secara langsung oleh syarikat yang melantik dan ia adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Walau bagaimanapun, kemudahan yang dibayar terus oleh syarikat kepada penyedia perkhidmatan untuk dinikmati oleh PBE, tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.</p> <p>b) Pembayaran (<i>Disbursement</i>) Sila rujuk Panduan Cukai Perkhidmatan mengenai <i>Disbursement and Reimbursement</i>.</p>
<p>Para 42</p>	<p>Menggantikan perkataan “Panduan Perkhidmatan Teknologi Maklumat” kepada “<i>Guide on Information Technology Services</i>.”</p>

<p>Para 43</p>	<p>Menggantikan perenggan berikut</p> <p>Perkhidmatan pengurusan termasuk penyediaan semua jenis perkhidmatan pengurusan dan caj lain yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan pengurusan termasuk pengurusan atau pelarasan projek. Perkhidmatan pengurusan terdiri daripada pengurusan atau pelarasan projek tetapi tidak termasuk penyediaan perkhidmatan yang dibekalkan itu berkaitan dengan barang atau tanah yang terletak di luar Malaysia, atau selain perkara-perkara yang berkaitan dengan barang atau tanah di luar Malaysia.</p> <p>kepada</p> <p>Perkhidmatan pengurusan merangkumi penyediaan semua jenis perkhidmatan pengurusan dan caj lain yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan pengurusan termasuk pengurusan atau penyelarasan projek. Perkhidmatan tersebut terdiri daripada pengurusan projek atau penyelarasan projek tetapi tidak termasuk perkhidmatan pengurusan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) perkhidmatan pengurusan yang berkaitan dengan tanah atau bangunan untuk kegunaan kediaman yang disediakan oleh mana-mana pemaju, badan pengurusan bersama, syarikat pengurusan atau persatuan kediaman; (ii) perkhidmatan pengurusan yang diberikan oleh mana-mana orang yang dilesenkan atau didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk menjalankan aktiviti pengurusan dana yang diatur di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671]; (iii) perkhidmatan pengurusan yang disediakan oleh mana-mana orang, badan kerajaan, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun untuk tujuan kebajikan agama, berkabung, pengebumian, perkuburan, pembakaran, pembentungan, bekalan air, kesihatan, pengangkutan, pelancongan atau perkhidmatan logistik; dan (iv) perkhidmatan pengurusan yang berkaitan dengan barang atau tanah yang terletak di luar Malaysia atau perkara lain di luar Malaysia.
<p>Para 45</p>	<p>Menggantikan perenggan berikut</p> <p>Perkhidmatan pekerjaan merangkumi penyediaan semua jenis perkhidmatan pekerjaan. Seperti yang dinyatakan di bawah Klasifikasi Perindustrian Piawai Malaysia 2008 (MSIC), perkhidmatan tersebut termasuk menyenaraikan kekosongan pekerjaan dan merujuk atau menempatkan permohonan untuk pekerjaan, yang mana individu yang dirujuk atau ditempatkan bukanlah pekerja kepada agensi pekerjaan, membekalkan pekerja kepada pelanggan untuk perniagaannya bagi tujuan menambah tenaga kerja untuk tempoh masa yang terhad, dan aktiviti menyediakan sumber manusia dan pengurusan sumber manusia</p>

	<p>untuk orang lain secara kontrak atau untuk bayaran.</p> <p>kepada</p> <p>Perkhidmatan pekerjaan merangkumi penyediaan semua jenis perkhidmatan pekerjaan. Perkhidmatan tersebut merangkumi:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) aktiviti menyenaraikan kekosongan pekerjaan dan rujukan atau menempatkan pemohon pekerjaan, di mana individu yang dirujuk atau ditempatkan bukan pekerja kepada agensi pekerjaan. (ii) membekalkan pekerja kepada pelanggan untuk perniagaannya bagi tujuan menambah tenaga kerja untuk tempoh masa yang terhad. (iii) aktiviti menyediakan sumber manusia dan perkhidmatan pengurusan sumber manusia untuk orang lain secara kontrak atau untuk bayaran.
Para 51 - 54	Memasukkan perenggan baru berkaitan Perkhidmatan Digital beserta Contoh 11 – 17.
Para 57	Memasukkan tambahan butiran berikut selepas butiran (iii) <ul style="list-style-type: none"> (iv) Penyediaan perkhidmatan kejuruteraan, (v) Penyediaan perkhidmatan seni bina, (vi) Penyediaan perkhidmatan perundingan, (vii) Penyediaan semua jenis perkhidmatan teknologi maklumat, (viii) Penyediaan semua jenis perkhidmatan pengurusan, atau (ix) Perkhidmatan digital.
Para 58	Menggantikan perkataan “Contoh 1” kepada “Contoh 18”.
Para 59	<p>Memasukkan perenggan berikut</p> <p>“Berkuatkuasa 1 Januari 2020, selain daripada perenggan 58, jika suatu syarikat memberikan mana-mana perkhidmatan bercukai kepada orang lain di luar kumpulan syarikat, perkhidmatan bercukai yang sama yang diberikan kepada mana-mana syarikat di dalam kumpulan syarikat itu hendaklah tidak menjadi suatu perkhidmatan bercukai, dengan syarat bahawa jumlah nilai perkhidmatan bercukai kepada orang di luar kumpulan syarikat itu dalam bulan itu dan sebelas bulan sebaik sahaja selepas bulan itu tidak melebihi suatu jumlah yang bersamaan dengan lima peratus daripada jumlah nilai perkhidmatan bercukai.”</p> <p>Memasukkan “Contoh 19”.</p>

<p>Para 60</p>	<p>Menggantikan ayat berikut</p> <p>“Sekiranya syarikat menyediakan perkhidmatan bercukai yang dinyatakan dalam butiran "a" sehingga "d" di bawah Kumpulan G (Profesional) dalam Jadual Pertama, Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018”</p> <p>kepada</p> <p>“Syarikat yang berada dalam kumpulan syarikat dan menyediakan perkhidmatan bercukai sepertimana yang dinyatakan di dalam perenggan 57 di atas”</p>
<p>Para 62</p>	<p>Menggantikan perkataan “perenggan 52(b)” kepada “perenggan 61(i)”</p> <p>Menggantikan perkataan “Contoh 2” kepada “Contoh 20”.</p> <p>Menggantikan perkataan “Contoh 3” kepada “Contoh 21”.</p> <p>Menggantikan perkataan “Contoh 4” kepada “Contoh 22”.</p> <p>Menggantikan perkataan “Contoh 5” kepada “Contoh 23”.</p>
<p>Para 63</p>	<p>Menggantikan perkataan “perenggan 51” kepada “perenggan 57” .</p> <p>Memasukkan ayat “dan ia adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan” selepas perkataan “kumpulan”.</p> <p>Mengeluarkan ayat “cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan atas perkhidmatan yang kena dibayar cukai pada masa orang yang menyediakan perkhidmatan itu dikehendaki didaftarkan menurut seksyen 13, Akta Cukai Perkhidmatan 2018.”</p> <p>Menggantikan perkataan “Contoh 6” kepada “Contoh 24”.</p> <p>Menggantikan perkataan “perenggan 51” kepada “perenggan 57” pada Contoh 24.</p> <p>Memasukkan contoh baru – “Contoh 25 dan Contoh 26”.</p>
<p>Tajuk</p>	<p>Memasukkan tajuk baru “PENGECUALIAN DARI PEMBAYARAN CUKAI PERKHIDMATAN (PENGECUALIAN ANTARA PERNIAGAAN (B2B))”</p>
<p>Para 64</p>	<p>Memasukkan contoh baru: “Contoh 27 – Contoh 30.”</p>
<p>Tajuk</p>	<p>Memasukkan tajuk baru “TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR DI BAWAH PENGECUALIAN B2B”.</p>
<p>Para 65</p>	<p>Memasukkan perenggan berikut</p> <p>“Mana-mana orang berdaftar di bawah kategori pengecualian B2B, yang telah memberikan perkhidmatan bercukai kepada mana-mana orang</p>

	<p>berdaftar yang berhak mendapat pengecualian tersebut dikehendaki:”</p> <p>a. <u>Mengeluarkan invois dengan butiran tambahan berikut:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> iv. nama dan alamat pelanggan; v. nombor pendaftaran cukai perkhidmatan pelanggan; vi. jumlah cukai perkhidmatan yang dikecualikan. <p>b. <u>Mengikrar nilai keseluruhan perkhidmatan yang dikecualikan cukai</u></p> <p>“Mengikrar nilai perkhidmatan yang dikecualikan daripada cukai (pengecualian B2B) di dalam ruangan 18 (c) Penyata SST-02.”</p>
Tajuk	Memasukkan tajuk baru “PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR”.
Para 66	<p>Memasukkan perenggan berikut</p> <p>“Penyedia perkhidmatan profesional yang mempunyai jumlah perolehan bagi tempoh 12 bulan melebihi nilai ambang yang ditetapkan bagi perkhidmatan bercukai perlu berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018.”</p>
Para 67	<p>Memasukkan perenggan berikut</p> <p>“Orang berdaftar adalah bertanggungjawab untuk:”</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai; (ii) Mengeluarkan invois dan resit seperti yang ditetapkan di bawah akta kepada pelanggan berkenaan dengan apa-apa transaksi yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan bercukai; (iii) Mengemukakan penyata cukai perkhidmatan SST-02 dan membayar cukai perkhidmatan sebelum tarikh tamat tempoh; dan (iv) Menyimpan rekod berhubung dengan transaksi cukai perkhidmatan.
Para 68	<p>Memasukkan perenggan berikut</p> <p>“Untuk maklumat lanjut mengenai tanggungjawab orang berdaftar, sila rujuk Panduan Umum Cukai Perkhidmatan dan Panduan Spesifik yang berkaitan.”</p>
Tajuk	Mengeluarkan tajuk “CUKAI PERKHIDMATAN GENAP MASA DAN KENA DIBAYAR” bersama sub-perenggan di bawahnya.

Jawapan 1	Memasukkan perkataan “Kumpulan G” selepas perkataan “dalam”.
Jawapan 6	Memasukkan ayat “walau bagaimanapun, jika penerima perkhidmatan juga merupakan orang yang berdaftar dan memberikan perkhidmatan yang sama, penerima dikecualikan daripada pembayaran cukai perkhidmatan.”
Soalan 9	Soalan 9 digantikan kepada “Saya menyediakan perkhidmatan bercukai kepada pelanggan saya pada 4 Oktober 2018 dan mengeluarkan invoice pada 31 Oktober 2018. Sudah melebihi tempoh setahun dan saya tidak menerima sebarang bayaran daripada pelanggan saya. Perlukah saya menunggu bayaran sebelum saya mengambil kira cukai perkhidmatan?”
Jawapan 9	Memasukkan perenggan berikut “Merujuk pindaan ACP 2018, berkuatkuasa mulai 1 September 2019, anda perlu menjelaskan cukai perkhidmatan sehari selepas 12 bulan dari tarikh perkhidmatan diberikan walaupun pembayaran belum diterima dan sama ada invoice dikeluarkan atau tidak.”
Jawapan 10	Jawapan 10 digantikan kepada “Ya, ia tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah perkhidmatan bercukai yang diimport.”
Jawapan 11	Jawapan 11 digantikan kepada “Penyediaan perkhidmatan guaman berhubung dengan perkara di luar Malaysia tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.”
Soalan 15	Memasukkan ayat berikut “Adakah Syarikat AA Berhad perlu mengenakan cukai perkhidmatan kepada anak syarikat dalam kumpulan syarikat yang sama?”
Jawapan 15	Jawapan 15 digantikan kepada “Apabila perkhidmatan perakaunan diperluaskan kepada Syarikat BB Sdn Bhd yang bukan ahli kumpulan syarikat, perkhidmatan perakaunan yang diberikan kepada anak syarikatnya adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.”
Soalan 16	Tambahan soalan lazim baru

